

20/02/1997

Malaysia kaji selamatkan Fokker: PM

Kamal Ahmad; Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengesahkan Malaysia menerima tawaran berhubung usaha menyelamatkan syarikat pembuat pesawat NV Fokker yang berpusat di Belanda.

Beliau berkata, kerajaan sedang mengkaji tawaran itu dan keputusannya akan dibuat secepat mungkin.

"Benda ni tak jadi lagi. Ia mungkin tak jadi. Tapi kita sedang meneliti perkara itu. Kalau ia boleh berjaya, kenapa tidak. Kalau ia berpotensi, kita teruskan ...," katanya kepada pemberita di majlis hari raya persyarikatan Malaysia di sini, malam ini.

Perdana Menteri mengulas laporan Asian Wall Street Journal (AWSJ) hari ini yang menyatakan Malaysia terbabit dalam usaha menyelamatkan Fokker yang hampir bankrap bersama sekumpulan rakan kongsi antarabangsa.

Laporan itu menyebut, sebarang penyertaan Malaysia dalam usaha memulihkan syarikat itu dipercayai akan dilakukan menerusi syarikat pelaburan kerajaan, Khazanah Nasional Berhad.

Fokker, antara syarikat pembuat pesawat terbang tertua di dunia menghadapi masalah yang semakin meruncing Mac lalu dengan memfail syarikat itu bankrap apabila pemegang saham terbesarnya, Daimler-Benz AG dari Jerman, menarik diri bersama saham bernilai AS\$1.5 bilion.

Sebuah konsortium yang diterajui syarikat Korea, Kumpulan Samsung, kemudian membatalkan rancangannya untuk menyelamatkan syarikat itu dan meletakkan Fokker di tahap kritikal dengan tanggungan hutang berbilion dolar Amerika.

Dr Mahathir bagaimanapun enggan mengesahkan sama ada Khazanah Holding terbabit dalam usaha menyelamatkan Fokker, tetapi menyatakan kerajaan Malaysia menerima tawaran itu sebelum Aidilfitri lalu.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerajaan belum membuat sebarang komitmen mengenai perkara itu kerana masih meneliti cadangan yang dikemukakan.

"Ia tidak betul sepenuhnya. Kita masih berbincang mengenainya," katanya sebagai mengulas isu yang sama.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis kongsi raya anjuran Majlis Belia Malaysia (MBM), Pergerakan Muda Malaysia (YMM), Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) dan Persatuan Usahawan Muda Malaysia (PUMM) di sini, malam ini. Turut hadir, isteri beliau, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail.

Dalam laporan yang sama, jurucakap penanggung Fokker di Amsterdam bagaimanapun enggan mengulas perkembangan yang membabitkan kerajaan Malaysia itu. Pegawai Khazanah Holding pula tidak dapat dihubungi untuk mendapatkan ulasan.

Bagaimanapun, laporan terbaru dari Belanda menyebut ada rancangan baru dirancang oleh kumpulan yang diterajui Pengerusi Begemann Group NV, Andre Deleye, secara usahasama dengan rakan kongsi dari Asia.

Menurut laporan itu, Deleye sudah memperolehi rakan kongsi dari Malaysia untuk menyertai usaha menyelamatkan Fokker.

(END)